

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 15 TAHUN 1974

PENYELARASAN GAJI PEMBANTU KEDUA JABATAN  
UNDANG-UNDANG DENGAN PENDAFTAR MAHKAMAH  
SESYEN, PEMBANTU PERTAMA JABATAN UNDANG-  
UNDANG SERTA PENOLONG GUAMAN DENGAN PENO-  
LONG PENDAFTAR MAHKAMAH TINGGI

Kerajaan telah memutuskan bahawa mulai daripada 1hb April, 1974 tanggagaji Pembantu Kedua Undang-undang adalah diselaraskan dengan Pendaftar Mahkamah Sesyen dan tanggagaji Pembantu Pertama Undang-undang serta Penolong Guaman diselaraskan dengan Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi. Dengan Penyelarasan itu maka tanggagaji jawatan-jawatan tersebut adalah seperti di bawah ini:

	Tanggagaji sekarang	Tanggagaji Baharu mulai 1-4-1974
Pembantu Kedua Undang-undang	\$840 × 40-920/ 960 × 40-1,000.	\$840 × 40-920/ 960 × 40-1,240.
Pembantu Pertama Undang-undang dan Penolong Guaman	\$1,000 × 50-1,100/ 1,150 × 50-1,250.	\$1,250 × 50-1,350/ 1,400 × 50-1,500.

**Pemindahan Gaji**

2. Sifir pemindahan gaji adalah seperti di Lampiran "A" dan "B" kepada Pekeliling ini.

**Tarikh Kenaikan Gaji**

3. Tarikh kenaikan gaji adalah tidak berubah. Walau bagaimanapun, bagi seorang pekerja yang telah berada di mata gaji yang tertinggi sekali dalam tanggagaji yang bertangga sekarang selama satu tahun atau lebih pada atau sebelum 1hb April, 1974,

maka tarikh kenaikan gajinya hendaklah diubah kepada 1hb Mei. Dalam kes di mana dua atau lebih mata gaji atas tanggagaji sekarang berpindah ke satu mata gaji atas tanggagaji baharu tarikh kenaikan gaji adalah diubah menurut rumusan seperti di Lampiran "C".

**DATO' ABDULLAH BIN AYUB,**  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,*  
*Malaysia*

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,**  
**MALAYSIA,**  
**BANGUNAN U.M.B.C.,**  
**KUALA LUMPUR.**

*23hb April, 1974.*